

14/10/2001

Malaysia tidak anti-AS (HL)

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal ada pihak cuba mengeruhkan hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat, termasuk menyalahafsirkan kenyataan beliau berikutan serangan udara Amerika terhadap Afghanistan.

Sambil menegaskan Malaysia bukan anti-Amerika, Perdana Menteri berkata, yang tidak dipersetujui Malaysia hanyalah tindakan AS menggunakan kuasa ketenteraan menyerang Afghanistan.

"Kita mempunyai hubungan yang baik dengan AS, walaupun ada sesetengah pihak cuba mengeruhkan hubungan. Mereka membuat pelbagai laporan menerusi kenyataan saya yang terkeluar daripada konteks sebenar," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Paya Indah Wetlands, di Dengkil dekat sini, semalam, Dr Mahathir berkata, jika Malaysia anti-Amerika, negara tidak akan menyokong usaha memburu pengganas.

Malaysia bukan saja mempunyai hubungan baik dengan Amerika, malah mahu berbaik-baik dengan semua negara dunia, termasuk Afghanistan, katanya.

Selasa lalu, Pejabat Perdana Menteri meminta wartawan Associated Press (AP), Sean Yoong dan agensi itu menyiarkan permohonan maaf kepada Dr Mahathir mengenai laporan tidak betul yang memetik kenyataan beliau mengenai serangan terhadap Afghanistan yang diketuai Amerika.

Mengulas lebih lanjut, Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah memberi cadangan untuk memburu dan penghapusan pengganas, tetapi ia tidak boleh dilihat Malaysia sebagai anti-Amerika.

"Hanya yang kita tidak setuju ialah caranya. Kita mahu bersahabat dengan semua negara, termasuk Afghanistan.

"Kita tidak mengasihi Taliban tetapi kita menyukai Afghanistan. Kita tidak mempunyai perasaan sukakan Taliban. Kita tahu Taliban melatih rakyat Malaysia untuk menggulingkan kerajaan ini.

"Bagaimanapun ada rakyat di Afghanistan yang bukan pengikut Taliban tetapi mereka tiada pilihan lain kecuali terus tinggal di negara itu," katanya.

Mengenai dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam edisi terbaru majalah Time, bahawa kerajaan menjadikan isu serangan pengganas di AS untuk menahan mereka yang dianggap menentang pemerintah, Dr Mahathir berkata:

"Tidak..sebelum serangan terhadap AS (pada 11 September lalu), kita memang sudah ambil tindakan kepada pihak yang cuba membuat huru-hara dalam negara.

"Adakah kita menyokong Al-Mau'nah dan KMM (Kumpulan Militan Malaysia) yang bertanggungjawab merompak bank, meletupkan bom...adakah kita sokong mereka ini, cuba jelaskan saya menyokong mereka."

Antara lain, Anwar, yang kini menjalani hukuman penjara 15 tahun, menulis bahawa di Malaysia, media kawalan kerajaan digunakan untuk membangkitkan sentimen anti-Amerika, sementara anggota elit politik menggunakan bahasa berlainan bagi diplomasi antarabangsa.

Ditanya reaksi kerajaan berikutan laporan New York Times bahawa Malaysia, selain Indonesia dan Filipina antara negara yang berkemungkinan menjadi sasaran AS menghapuskan pengganas selepas ini, Dr Mahathir berkata, negara ini memang mempunyai pengganas.

"Tapi mereka menyerang kita (kerajaan)...bukannya Amerika. Jadi, kalau ada sesiapa mempunyai bukti, sila jelaskan," katanya.

(END)